

25/01/2002

Malaysia akan hantar cadangan harga baru air kepada Singapura

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia akan menghantar cadangan berkaitan kadar yang dikehendaki negara ini untuk penjualan air ke Singapura sebelum memulakan rundingan secara langsung.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, bagaimanapun enggan mendedahkan kadar baru yang ditetapkan kerajaan kerana tidak mahu menjejaskan rundingan.

Beliau berkata, rundingan pada peringkat menteri bersama pegawai dari kedua-dua negara dijangka dilakukan secepat mungkin.

"Kita mahukan (rundingan itu) semalam dan cuba untuk selesaikannya. Kita sudah ada cadangan tetapi kita kena hantar ke Singapura.

"Tujuan rundingan adalah untuk mencapai penyelesaian tetapi ia tidak akan dibincangkan satu persatu tetapi satu pakej keseluruhan.

"Kita bagi tawaran dan kita lihat maklum balas mereka," katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan bagi Tabung Amanah Afghanistan dari pelbagai pertubuhan sukarela di Wisma Putra di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, berkata Malaysia tidak bersetuju tawaran baru Singapura untuk membeli air mentah dengan harga 45 sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter) kerana ia terlalu murah.

Syed Hamid berkata, kerajaan inginkan satu harga dan pulangan munasabah kepada Malaysia, sebagai pembekal air.

"Kita beri jaminan kepada Singapura yang kita tidak akan menafikan mereka air yang dirawat atau air mentah," katanya.

Ditanya bila rundingan itu akan diadakan, Syed Hamid berkata, Malaysia ingin memulakan secepat mungkin kerana tempoh kajian perjanjian sudah berakhir.

Beliau berkata, dua perjanjian akan dirunding iaitu bagi tahun 1961 yang akan berakhir pada 2011, dan bagi tahun 1962 yang tamat pada 2061.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid berkata, Wisma Putra akan menghantar satu misi 'mencari fakta' ke Afghanistan bagi menjalankan kajian mengenai bentuk bantuan diperlukan bagi pembangunan semula negara itu.

Beliau berkata, pasukan yang akan dianggotai beberapa agensi Pusat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dijangka berlepas bulan depan atau awal Mac.

"Bantuan Malaysia lebih berbentuk pertolongan secara langsung. Oleh itu kita perlu buat kajian tentang keperluan sebenar," katanya.

Beliau yang pulang semalam selepas menghadiri Persidangan Antarabangsa mengenai Bantuan Pemulihan Afghanistan di Tokyo, Jepun, berkata Malaysia berjanji memberi bantuan dalam bidang perundangan, kewangan, sektor awam, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur.

Katanya, misi itu turut membawa sumbangan yang diperoleh daripada rakyat Malaysia yang memberikan derma wang dan barangan. Sehingga ini, sebanyak RM900,000 telah dikutip.

Sumbangan hari ini diterima daripada Dewan Perniagaan dan Industri China Malaysia yang menghulurkan ubat-ubatan bernilai RM110,000 dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia yang menderma RM50,381.

Konsul kehormat Trinidad and Tobago di Singapura, Datin Aikiko Aw memberikan sumbangan khemah dan ubat-ubatan bernilai lebih AS\$100,000.

(END)